

21 JUN, 2020

Covid-19: Tiada kes baharu

Mingguan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

Covid-19: Tiada kes baharu

DIYANA SAMSUDDIN

KUCHING: Tiada kes positif Covid-19 dilaporkan dan Samarahan juga bertukar status dari kuning kepada hijau setelah tiada kes baharu Covid-19 dilaporkan dalam tempoh 14 hari dari kes terakhir.

Menurut kenyataan Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak (JPBNS), setakat semalam, Sarawak mencatatkan sebanyak 566 kes.

"Dimaklumkan juga bahawa tiada kes baharu yang telah sembuh dan discaj dari hospital semalam," katanya dalam

satu kenyataan manakala, jumlah keseluruhan kes positif Covid-19 yang telah sembuh dan discaj kekal sebanyak 535 orang atau 94.52 peratus.

Selain itu, sebanyak 14 orang masih menerima rawatan di dalam wad isolasi hospital dan 21 Pesngesan Kes Yang Disyaki (PUI) baharu dilaporkan dan satu kes masih menunggu ujian makmal.

"Jumlah kematian kekal sebanyak 17 orang," ujarnya.

Semalam juga mencatatkan jumlah daerah berstatus kuning adalah sebanyak dua buah dan daerah berstatus hijau sebanyak 38 buah.

Sementara itu, katanya, seramai 229 Pesakit Dalam Pemantauan (PUS) telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di 13 hotel adalah seramai 742 orang semalam.

"Manakala, seramai 16,391 PUS telah tamat menjalani tempoh kuarantin," ujarnya lagi semalam sebanyak 34 lokasi operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah 1,246 lokasi.

Sehingga kini, sebanyak 1,531 premis telah dipantau iaitu pasar raya (283), restoran (354), kilang

(22), bank (166), pejabat kerajaan (78), penjaja (25), pasar tani/awam (91), tempat ibadah (86), tempat riadah (40), tapak pembinaan (34) dan lain-lain (635).

Seramai 703 pasukan pematuhan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihian (PKPP) yang terdiri daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) [349], Angkatan Tentera Malaysia (ATM) [43], Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) [154], Angkatan Pertahanan Awam (APM) [97], Pihak Berkusa Tempatan (PBT) [52], Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) [4] dan agensi lain [4].



21 JUN, 2020

Covid-19: Tiada kes baharu



Mingguan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KUCHING: Tiada kes positif Covid-19 dilaporkan dan Samarahan juga bertukar status dari kuning kepada hijau setelah tiada kes baharu Covid-19 dilaporkan dalam tempoh 14 hari dari kes terakhir. Menurut kenyataan Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak (JPBNS), setakat semalam, Sarawak mencatatkan sebanyak 566 kes.